

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.05.2015**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan GST sebanyak 6% telah menambah beban kewangan yang besar kepada rakyat dan memudaratkan pertumbuhan ekonomi dan mengapakah GST dikenakan ke atas projek awam oleh Kerajaan negeri seperti jalan, longkang, pasar, padang hijau dan dewan orang ramai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Dengan pelaksanaan GST, Kerajaan menjangkakan bahawa Indeks Harga Pengguna akan meningkat pada kadar 1.08% sahaja. Peningkatan ini adalah secara one-off dan akan stabil dalam tempoh jangka masa pendek. Peningkatan ini adalah minimum disebabkan pelbagai barang tidak dikenakan GST termasuk produk petroleum.

Bagi **mengurangkan impak pelaksanaan GST**, Kerajaan telah memperkenalkan pakej bantuan seperti berikut:

1. Melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M sebanyak RM300 ke atas BR1M sedia ada;
2. Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan sebanyak satu hingga tiga mata peratusan. **Melalui langkah ini, seramai 300 ribu orang yang kini membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu bayar;** dan
3. Cukai pendapatan individu juga akan distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000. **Kadar cukai maksimum yang kini 26% pula, dikurangkan kepada 24%, 24.5%, dan 25%. Justeru, pembayar cukai akan menikmati penjimatan bayaran cukai sekurang-kurangnya sebanyak 5.3%.**

Tuan Yang DiPertua,

Secara dasarnya, perolehan ke atas barang yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri diberi pelepasan dari membayar GST. Manakala bagi perolehan perkhidmatan, tiada pelepasan diberikan. Ini adalah selaras dengan dasar yang diamalkan sekarang di bawah sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan.

Bagi maksud GST projek kerja seperti pembinaan jalan raya, dewan, taman rekreasi dan gelanggang sukan adalah merupakan perolehan perkhidmatan. Ini bermaksud jabatan Kerajaan perlu membayar GST yang dikenakan oleh kontraktor yang dilantik.